

Media Title : Utusan Malaysia
Headline : Usahawan dijerat penipuan cabutan bertuah
Date : 29 April 2023
Section : Dalam Negeri
Page : 31



Usahawan dijerat penipuan cabutan bertuah

PETALING JAYA: Seorang usahawan wanita kerugian lebih RM10,000 selepas menjadi mangsa sindiket *Macau Scam* yang mendakwa ingin menghantar pesanan hadiah cabutan bertuah kepada anaknya.

Wanita yang ingin dikenali sebagai Maya itu berkata, dia menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki mendakwa pekerja sebuah syarikat kurier penghantar barang.

"Walaupun menafikan bungkusan itu milik saya, lelaki itu menyebut alamat penuh rumah dengan betul dan mengaku mendapatkannya daripada sebuah syarikat yang menganjurkan cabutan bertuah.

"Lelaki itu juga mengarahkan agar mengikut arahnya termasuk memindahkan sejumlah wang kepadanya jika mahu barang tersebut sampai di alamat rumahnya," katanya.

Maya berkata, dia tertipu dengan panggilan tersebut disebabkan lelaki terbabit mengetahui nama penuh anaknya dan juga alamat rumah.

Katanya, dia merasa teruja untuk mendapat hadiah itu sehingga hanya menyedari menjadi mangsa sindiket penipuan *Macau Scam* selepas menceritakan kejadian tersebut pada rakan-rakannya sebelum membuat laporan polis berhubung kejadian tersebut.

Sebelum ini, menurut sumber ketika dihubungi berkata, polis merekodkan angka kerugian RM2.98 bilion melibatkan 90,321 pelbagai kes penipuan di seluruh negara dalam tempoh empat tahun lalu.

Daripada kerugian tersebut, kes penipuan mencatatkan kerugian terbesar RM1.06 bilion membabitkan 25,884 kes.